

19 DEC 1996

Mahathir - Agenda

AGENDA TEKNOLOGI MAKLUMAT MALAYSIA MEMPUNYAI STRATEGI TIGA PENJURU

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Agenda Teknologi Maklumat (IT) Malaysia akan mempunyai strategi tiga penjuru dengan matlamatnya jelas untuk mewujudkan masyarakat berilmu.

Perdana Menteri berkata strategi itu ialah untuk membina dan memajukan infrastruktur dan infostruktur fizikal yang sesuai, mewujudkan dan memperkenalkan sistem peningkatan atau applikasi berasaskan IT yang berteraskan permintaan dan memberi tumpuan kepada pembangunan kemanusiaan.

"Wawasan 2020 bermatlamat untuk menjadi negara maju mengikut acuan kita sendiri. Oleh itu, misi Agenda IT hendaklah berteraskan usaha ke arah mewujudkan masyarakat berilmu bercirikan pengalaman sejarah, tradisi, budaya dan pembangunan kita sendiri.

"Masyarakat berilmu ini juga hendaklah menjadi masyarakat madani," kata beliau ketika merasmikan persidangan kebangsaan mengenai Teknologi Maklumat -- Infotech Malaysia '96 -- di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Menurut beliau, kerajaan melalui Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) telah mengambil alih peranan untuk menyediakan kepimpinan yang perlu bagi pembangunan IT di Malaysia.

Dr Mahathir berkata penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) jelas berupa hasil daripada perbincangan NITC untuk membina dan memajukan infrastruktur dan infostruktur fizikal yang sesuai.

"MSC akan bermula dengan pembangunan laman applikasi multimedia untuk membawa Malaysia ke zaman Teknologi Maklumat," he said.

Beliau berkata kelapan-lapan applikasi MSC itu juga menawarkan peluang bagi penyertaan dan pembelajaran selaras dengan strategi kedua Agenda IT untuk mewujudkan dan memperkenalkan sistem peningkatan atau applikasi berasaskan IT yang bercirikan permintaan.

"Kita sedang berunding bagi mendapatkan sokongan dan bantuan beberapa syarikat terbaik di dunia untuk berkongsi teknologi dan kepakaran mereka dengan kita," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) akan memastikan bahawa syarikat-syarikat itu bekerjasama dengan syarikat tempatan bagi mewujudkan perkongsian pintar mengenai pembangunan applikasi baru.

Dr Mahathir berkata, untuk mencapai strategi ketiga Agenda IT, individu dan kumpulan perlu berakulturasi bagi menangani sistem yang bijak atau pintar dan pada masa yang sama lebih pintar daripada sistem atau applikasi yang dihasilkan.

Beliau berkata usaha pembangunan manusia membabitkan semua sistem pendidikan dan latihan, baik formal mahupun tidak formal, daripada peringkat rendah hingga tinggi dan seterusnya.

Mengenai usaha mewujudkan masyarakat madani yang akan menjadi matlamat utama Agenda IT, Dr Mahathir berkata ia harus berupa masyarakat apabila yang bijak memerintah dan masyarakat turut serta secara aktif bagi menentukan masa depan mereka.

Beliau berkata pemilikan ilmu pengetahuan ini akan menjadi peramanan harta sivil.

"Inilah yang menjadi matlamat kita dalam konteks masyarakat penyayang yang mengambil kira kepentingan semua pihak dalam masyarakat," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kejayaan semua inisiatif baru ini bergantung kepada kesediaan masyarakat untuk mengamal dan menyesuaikan diri dengan perubahan.

Beliau berkata pekerja yang berpengetahuan boleh menggerakkan proses perubahan terutama bagi menghasilkan produk yang dikehendaki oleh permintaan dan memajukan applikasi.

Perdana Menteri berkata Agenda IT bukan sekadar destinasi tetapi satu perjalanan yang rakyat Malaysia harus menempuh bersama

Dr Mahathir mengingatkan rakyat Malaysia bahawa MSC merupakan usaha baru yang berani ke arah pembaharuan.

Bagaimanapun, ia hanya boleh menjadi kenyataan jika masyarakat negara ini secara keseluruhan mempunyai iltizam untuk menjadi masyarakat yang berilmu, kata beliau. -- BERNAMA

AH FAZ